

TAKAFUL SEMULA DALAM INDUSTRI INSURANS: TINJAUAN KHUSUS MENURUT PERSPEKTIF ISLAM DAN UNDANG-UNDANG

Mohd Sabree Nasri

Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa
Kolej Universiti Islam Melaka
mohdsabree@kuim.edu.my

ABSTRAK

Takaful semula (retakaful) merupakan satu prosedur atau mekanisme melalui perjanjian yang membolehkan pengendali takaful langsung yang dipanggil 'cedant' memindahkan atau menyerahkan sebahagian daripada risiko yang ditanggung kepada pengendali takaful atau pengendali takaful semula yang lain. Namun, tidak semua takaful semula yang dilakukan oleh syarikat takaful dijalankan dalam industri takaful juga memandangkan kekurangan dana atau modal sesebuah syarikat takaful semula tersebut (yang berteraskan Islam). Justeru, sebagai alternatifnya perkhidmatan takaful semula dalam industri insurans digunakan (insurans konvensional) bagi menampung kekurangan yang wujud dalam syarikat takaful semula. Maka artikel ini akan memfokuskan kepada modus operandi, hukum dan justifikasi takaful semula dalam industri insurans. Analisis dilakukan terhadap Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA 2013) dan meneliti beberapa peruntukan akta yang berkaitan serta melihat kepada justifikasi badan yang berautoriti seperti resolusi yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia. Hasil dapatan menunjukkan tahap kebergantungan dan keperluan syarikat takaful terhadap industri insurans di Malaysia pada masa kini masih diperlukan. Maka, atas dasar darurat dan masalah, majoriti ulama dan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia mengharuskan takaful semula dilakukan dalam industri insurans dengan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Kata Kunci: takaful semula, insurans semula, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, Resolusi Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia.

RETAKAFUL IN INSURANCE INDUSTRY: REVIEW BY ISLAMIC PERSPECTIVE AND LAW

ABSTRACT

Retakaful is a procedure or mechanism through an agreement that allows a direct takaful operator called 'cedant' to transfer or surrender some of the risks incurred to takaful operators or other retakaful operators. However, not all retakaful are carried out in the takaful industry as well as the lack of funds or capital of a retakaful company. Hence, alternatively retakaful services in the insurance industry are used to cover the shortage inherent in retakaful companies. This article will then focus on modus operandi, law (Islamic perspective) and justification of retakaful in the insurance industry. The analysis was conducted on the Islamic Financial Services Act 2013 (IFSA 2013) and reviewed some of the relevant provisions of the act and the authoritative body such as a resolution issued by the Bank Negara Malaysia's Shariah Advisory Council. Findings show that the level of dependence and needs of takaful companies on

the insurance industry in Malaysia is still needed. Therefore, on the basis of generosity and maslahah, the majority of scholars and the Shariah Advisory Council of Bank Negara Malaysia require that the reinsurance be performed in the insurance industry in compliance with comply the certain conditions.

Keywords: *retakaful, reinsurance, Islamic Financial Services Act 2013, Resolution of Bank Negara Malaysia's Shariah Advisory Council.*

PENDAHULUAN

Takaful semula adalah satu mekanisma pengurusan risiko yang kritikal yang perlu dihadapi oleh pengendali takaful bagi mencapai beberapa objektif dan matlamat tertentu. Antara keperluan takaful semula adalah untuk memastikan keberkesanan penyebaran risiko. Melalui proses ini, pasaran takaful dan takaful semula akan dapat berkongsi pembangunan dan pertumbuhan pasaran dan pada masa yang sama ia akan melindungi pengendali takaful daripada pendedahan risiko yang melampau ke atas liabiliti yang ditanggungnya. Selain itu, takaful semula diperlukan untuk menyediakan kapasiti tambahan bagi pengendali takaful untuk menerima penyertaan risiko yang lebih besar dan kompleks yang mungkin melebihi keupayaan kewangan dan teknikal yang dimiliki. Bukan itu sahaja, takaful semula mempunyai kesan penstabilan atau melicinkan aliran pendapatan dan kerugian sepanjang tempoh satu tahun, iaitu suatu tempoh yang agak panjang untuk mewujudkan kestabilan dan daya tahan kepada dana takaful.

Oleh yang demikian, dengan kepelbagaian dan jumlah besar risiko yang ditanggung dalam portfolio mereka, pengendali takaful semula boleh membuat analisa kajian penyelidikan kerana ia mempunyai pengetahuan dan pengalaman luas mengenai risiko. Ia mampu melihat dari perspektif yang berbeza dan lebih menyeluruh atau perspektif makro, dan dalam kebanyakan kes ia mampu menilai risiko merentasi beberapa bidang kuasa yang berbeza. Maklumat yang unik ini boleh dikongsi dengan pengendali takaful bagi tujuan memastikan pengurusan risiko yang lebih cekap. Hal ini seterusnya akan membantu pengendali takaful memanfaatkan data yang ada bagi tujuan mereka-bentuk produk baru, penetapan kadar sumbangan dan yang lebih penting mampu mewujudkan amalan pengunderaitan yang lebih menyeluruh dan kompetitif (Aisyah Mustafa & Asmak Ab Rahman, 2015).

Dengan kemudahan penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang mereka miliki, pengendali takaful semula mampu menyediakan tenaga pakar dalam bidang pengunderaitan, reka bentuk risiko kewangan, perkhidmatan aktuari, penyelesaian IT, mekanisma pemindahan risiko alternatif (alternative risk transfer mechanism), pengurusan tuntutan, pemasaran dan lain-lain kepada pengendali takaful. Akhirnya, demi menjaga amanah peserta, pengendali takaful bersedia melindungi dan menjaga dana takaful pada setiap masa dari terdedah kepada risiko buruk atau tuntutan yang merugikan. Kepada peserta, keupayaan untuk membayar tuntutan oleh pengendali adalah suatu jaminan. Pengendali takaful perlu berusaha untuk memenuhi janji seperti yang dinyatakan dalam sijil tentang kesediaannya untuk berkongsi lebih operasi takaful. Kemudahan dan kelebihan yang ada pada takaful semula akan membantu pengendali takaful berusaha kearah mencapai objektif berkenaan (Ahmad Mazlan Zulkifli *et. al*, 2012).

Justeru itu, objektif penulisan ini adalah untuk meneliti konsep dan modus operandi takaful semula (yang berteraskan Islam) terhadap industri insurans (Insurans konvensional). Analisis terhadap penentuan hukum akan dilakukan dengan melihat kepada pandangan sarjana Islam serta melihat daripada aspek undang-undang semasa. Oleh kerana fungsi dan objektif takaful semula sangat penting dalam institusi takaful, di samping pertumbuhannya yang semakin berkembang maju pada hari ini, maka syarikat takaful semula sangat memainkan peranan penting dalam menyokong operator takaful yang sedia ada. Malangnya syarikat takaful semula tidak mampu untuk menampungnya rentetan daripada kekurangan modal dan dana serta beberapa aspek yang lain. Maka industri insurans semula terpaksa digunakan demi untuk memenuhi keperluan mendesak syarikat takaful. Perbincangan lanjut akan menyentuh beberapa aspek yang penting berkaitan takaful semula dalam industri insurans dengan merujuk kepada perspektif Islam dan undang-undang.

KONSEP TAKAFUL SEMULA

Takaful semula atau *retakaful* adalah satu sistem yang mematuhi landasan syarak dari sudut modus operasinya. Pemakaian istilah takaful dan insurans di Malaysia ini dapat difahami bahawa takaful merujuk kepada produk yang patuh syariah sepenuhnya manakala insurans bersifat sebaliknya dari sudut hukum dan konsepnya. Oleh yang demikian, takaful semula boleh ditakrifkan dengan pelbagai bentuk. Ia adalah “satu kontrak yang berdasarkan kepada suatu balasan, seseorang itu bersetuju untuk membayar keseluruhan atau sebahagian pampasan kepada pihak ketiga atas kerugian atau liabiliti risiko yang telah dilindungi di bawah kontrak yang berasingan dan berlainan sebagai pengendali pihak ketiga”. Maka, kontrak takaful semula adalah satu kaedah yang mana pengendali mendapatkan pihak ketiga untuk melindunginya daripada kerugian atau liabiliti berdasarkan risiko sebenar perlindungan takaful asal (Ahmad Mazlan Zulkifli *et. al*, 2012).

PERBEZAAN TAKAFUL SEMULA DAN INSURANS SEMULA

Pada asasnya, perbezaan antara takaful semula dan insurans semula adalah seperti yang wujud dalam perbezaan takaful dan insurans. Namun di sini ingin diketengahkan dua perbezaan yang jelas antara takaful semula dan insurans semula seperti berikut:

Jadual 1: Perbezaan Takful Semula dan Insurans Semula

Perbezaan	Takaful Semula	Insurans Semula
Riba dan <i>Gharar</i>	Operasi takaful semula tidak menerima komisen sebagai keuntungan ataupun faedah kerana komisen ini merujuk kepada riba. Komisen yang diperoleh dalam operasi takaful semula hanya bergantung pada perbelanjaan sebenar dalam proses takaful semula.	Operasi insurans semula menerima komisen yang tidak selari dengan prinsip syariah. Syarikat insurans akan menerima komisen hasil daripada membuat insurans semula triti iaitu balasan yang diberi oleh syarikat insurans semula kerana melangganinya. Ia lebih merupakan komisen <i>ribawi</i> .
Prinsip Kepentingan	Kepentingan boleh insurans adalah berpunca dari kehendak para	Dalam insurans konvensional, kepentingan boleh insurans diserahkan

Boleh Insurans pencarum. Namun begitu, secara / diberikan kuasa kepada syarikat automatik atas prinsip mudarabah, insurans. Maka syarikat insurans akan ia dapat diwarisi oleh pengendali bertanggungjawab sepenuhnya takaful untuk mentakafulkan terhadap kepentingan yang semula sesuatu yang diinsuranskan diinsuranskan. berdasarkan konsep mudarabah.

Sumber: (Mohd Yahya Mohd Hussin *et. al*, 2008).

JENIS-JENIS TAKAFUL SEMULA

Pengaturan takaful semula merupakan salah satu cara bagi syarikat takaful untuk mengurangkan beban risiko yang ditanggung dalam menyediakan perlindungan kepada peserta takaful. Ia merujuk kepada perkongsian risiko antara syarikat takaful dengan syarikat takaful (dan takaful semula) atau syarikat insurans (dan insurans semula) konvensional yang lain. Dengan adanya pengaturan takaful semula yang berkesan, syarikat takaful dapat meningkatkan kapasiti dan menstabilkan prestasi pengunderaitannya, serta berupaya melindungi dana takaful daripada bebanan kewangan yang ketara sekiranya berlaku tuntutan di luar jangkaan. Pengaturan takaful semula kebiasaannya dilaksanakan menerusi dua cara utama (Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam, Bank Negara Malaysia, 2010) seperti yang berikut:

- i. Takaful semula alir masuk (inward retakaful) iaitu syarikat takaful menerima risiko daripada syarikat takaful (dan takaful semula) atau syarikat insurans (dan insurans semula) konvensional yang lain; dan
- ii. Takaful semula alir keluar (outward retakaful) iaitu syarikat takaful mengagih atau memberi risiko yang diunderaitnya kepada syarikat takaful (dan takaful semula) atau syarikat insurans (dan insurans semula) konvensional yang lain.

Secara umumnya, terdapat dua jenis takaful semula utama yang biasa dijalankan dalam industri takaful. Kedua-dua jenis takaful semula ini ialah takaful semula Fakultatif dan takaful semula Triti.



Rajah 1: Jenis-Jenis Takaful Semula

Takaful Semula Fakultatif.

Takaful semula fakultatif merujuk kepada takaful semula yang melibatkan pemindahan risiko daripada pengendali takaful kepada syarikat takaful semula berdasarkan risiko demi risiko (kes demi kes). Di bawah takaful semula fakultatif setiap risiko dipertimbangkan secara berasingan dan setiap pihak yang terlibat bebas untuk membuat keputusan sama ada hendak mengesidkan (bagi pihak pengendali takaful) atau menerima/menolak (bagi pihak syarikat takaful semula) risiko yang dipertimbangkan. Ini bermakna apabila pengendali takaful menerima sesuatu permohonan takaful yang nilainya melebihi had bendungan, ia boleh mempertimbangkan risiko yang melebihi had bendungan itu kes demi kes sama ada ia hendak mengesidkan risiko tersebut kepada syarikat takaful semula ataupun tidak. Pada masa yang sama, bagi syarikat takaful semula, ia juga berhak untuk mempertimbangkan risiko yang dicadangkan oleh pengendali takaful kes demi kes sama ada ia hendak menerima atau menolak risiko tersebut. Jika pengendali takaful yang ingin mengesidkan risiko yang melebihi had bendungan berjaya mengenal pasti syarikat takaful semula yang rela untuk menerima risiko tersebut, kedua-dua pihak pengendali takaful dan syarikat takaful semula akan menandatangani satu kontrak sah berhubung dengan takaful semula fakultatif.

Takaful Semula Triti.

Takaful semula triti merujuk kepada takaful semula dengan semua risiko yang memenuhi syarat dan peruntukan yang termaktub dalam triti (perjanjian) akan mendapat perlindungan takaful daripada syarikat takaful semula secara automatik. Di bawah takaful semula triti, suatu perjanjian akan ditandatangani oleh pengendali takaful dan syarikat takaful semula. Dalam perjanjian yang ditandatangani, semua syarat dan peruntukan berhubung dengan risiko yang akan dipindahkan kepada syarikat takaful semula telah dinyatakan dengan jelas. Sekiranya risiko yang telah diunderait oleh pengendali takaful memenuhi syarat dan peruntukan yang termaktub dalam perjanjian, risiko ini secara automatiknya dipindahkan dan ditanggung oleh syarikat takaful semula. Dengan kata lain, ini bermakna pengendali takaful mesti mengesidkan semua risiko yang memenuhi syarat dan peruntukan yang termaktub dalam perjanjian yang telah ditandatangani dan syarikat takaful semula mesti menerima risiko tersebut secara automatik tanpa sebarang perbincangan lanjut dengan pengendali takaful. Pengendali takaful tidak boleh membuat pemilihan ke atas risiko yang hendak disidkan kepada syarikat takaful semula dan syarikat takaful semula juga tidak boleh menolak perlindungan takaful semula kepada risiko yang memenuhi syarat dan peruntukan yang termaktub dalam perjanjian yang telah ditandatangani.

Terdapat empat jenis triti dalam takaful semula iaitu *triti quota share*, *triti surplus*, *triti excess of loss* dan *triti stop loss*. Empat jenis triti ini boleh dikategorikan kepada dua iaitu triti berkadar (Takaful semula berkadar ialah takaful semula apabila pengendali takaful dan syarikat takaful semula berkongsi caruman dan tuntutan berkaitan dengan kontrak asal takaful dalam kadar yang sama dengan bahagian daripada jumlah asal ditakafulkan yang telah diserahkan oleh pengendali takaful dan telah diambil alih oleh syarikat takaful semula) dan triti tidak berkadar. (Takaful semula tidak berkadar ialah takaful semul apabila pengendali takaful menanggung bayaran bagi semua kerugian setakat amaun yang telah dipersetujui terlebih dahulu. Baki sebarang kerugian yang melebihi had yang dipersetujui tersebut akan ditanggung oleh syarikat takaful semula, selalunya setakat jumlah maksimum berkontrak.) Jenis triti pertama dan kedua

merupakan kategori triti berkadar iaitu kerugian, caruman dan belanja dibahagi antara pengendali takaful dengan syarikat takaful semula mengikut bahagian tertentu. Sementara triti ketiga dan keempat adalah di bawah kategori triti tidak berkadar. Di bawah kategori ini, syarikat takaful semula hanya akan membiayai tuntutan setelah pengendali takaful habis menggunakan peruntukan perlindungannya.

Jadual 2: Jenis-jenis Triti

JENIS TRITI	PENERANGAN
Triti <i>Quota Share</i>	Triti <i>Quota Share</i> bermakna pengendali takaful dan syarikat takaful semula bersetuju untuk berkongsi bayaran caruman dan kerugian daripada semua perniagaan takaful yang telah diunderait oleh pengendali takaful berdasarkan suatu kadar yang telah ditetapkan sehingga ke suatu jumlah maksimum yang telah dipersetujui oleh mereka. Had bendungan yang harus ditanggung oleh pengendali takaful dinyatakan dalam bentuk peratusan, ia tidak dinyatakan dalam bentuk nilai mutlak (<i>pro rata</i>).
Triti <i>Surplus</i>	Di bawah Triti <i>Surplus</i> syarikat takaful semula bersetuju untuk menerima sisen yang melebihi had bendungan pengendali takaful sehingga ke suatu jumlah maksimum yang telah ditetapkan. Pengendali takaful dan syarikat takaful semula kemudiannya berkongsi bayaran premium dan kerugian mengikut nisbah tertentu berdasarkan bahagian perniagaan takaful mereka masing-masing relatif kepada nilai muka takaful yang telah diunderait. Ia dijalankan berdasarkan lini (<i>line</i>).
Triti <i>Excess of Lost</i>	Triti <i>Excess of Lost</i> biasanya digunakan oleh pengendali takaful untuk mendapatkan perlindungan terhadap kerugian yang amat besar. Di bawah triti ini, syarikat takaful semula akan menanggung bahagian kerugian yang melebihi had bendungan pengendali takaful sehingga ke suatu jumlah maksimum yang telah ditetapkan.
Triti <i>Stop Loss</i>	Triti <i>Stop Loss</i> ialah pengendali takaful menetapkan peratusan kerugian yang sanggup untuk ditanggung sementara peratus lebihan akan diserahkan pada syarikat takaful semula. Biasanya jumlah kerugian yang terkumpul untuk tempoh setahun. Ia juga dikenali sebagai <i>Aggregate of Loss</i> .

Sumber: (Ahmad Mazlan Zulkifli *et. al*, 2012).

REALITI INDUSTRI TAKAFUL DAN INDUSTRI INSURANS DI MALAYSIA

Secara umumnya, melalui kuantiti bilangan syarikat takaful semula yang ada di Malaysia ini masih boleh dikatakan ia tidak mampu untuk menampung takaful semula yang datang daripada operator takaful (Syarifah Nur Amalina, 2016). Hal ini ditambah lagi dengan permintaan yang semakin tinggi oleh masyarakat terhadap produk takaful disebabkan oleh kesedaran dan seterusnya mengambil keputusan untuk berubah dan beralih daripada produk insurans konvensional kepada produk takaful yang padanya terhindar daripada elemen yang terlarang dalam Islam iaitu riba, gharar dan maysir. Oleh yang demikian, statistik berikut mampu memberi

gambaran yang jelas hakikat sebenar kuantiti syarikat takaful semula dengan syarikat insurans semula yang wujud di Malaysia pada masa kini (Bank Negara Malaysia).

Jadual 3: Senarai operator takaful dan syarikat takaful semula di Malaysia

Operator Takaful	Syarikat Takaful Semula
AIA PUBLIC Takaful Bhd	ACR Retakaful Berhad
AmMetLifeTakaful Berhad	MNRB Retakaful Berhad
Etiga Takaful Berhad	Munich Re Retakaful
Great Eastern Takaful Berhad	Swiss Re Retakaful
Hong Leong MSIG Takaful Berhad	
HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Berhad	
MAA Takaful Berhad	
Prudential BSN Takaful Berhad	
Sun Life Malaysia Takaful Berhad	
Syarikat Takaful Malaysia Berhad	
Takaful Ikhlas Berhad	

Sumber: Bank Negara Malaysia

Syarikat insurans semula yang beroperasi di Malaysia ialah:

- i. Asia Capital Reinsurance Malaysia Sdn Bhd
- ii. Malaysian Reinsurance Berhad
- iii. Toa Reinsurance Company Ltd
- iv. Labuan Reinsurance
- v. Gerling-Konzern Globale Reinsurance
- vi. GIO Insurance Ltd
- vii. Malaysian Life Reinsurance Group Bhd
- viii. Munchener Ruckversicherungs –Gesellschaft
- ix. Swiss Reinsurance Company

TAKAFUL SEMULA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Pandangan Syariah Terhadap Takaful Semula

Sejajar dengan resolusi ulama mengenai keharusan takaful sebagai satu system insurans Islam, takaful semula juga telah diputuskan sebagai telah mematuhi keperluan syariah, berasaskan kepada penggunaan prinsip-prinsip takaful yang sama. Resolusi Akademi Fekah (Resolusi No.9 Disember 1985) OIC mengenai subjek ini adalah sebagaimana berikut:

“... kontrak insurans komersil yang biasa digunakan oleh syarikat insurans komersial adalah kontrak yang mengandungi unsur-unsur utama risiko yang dilarang mengikut hukum Syariah. Alternatif bagi insurans dan insurans semula mestilah berasaskan kepada prinsip-prinsip insurans koperasi ...”

Retakaful dalam Industri Insurans oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia.

Dalam hal ini, Majlis Penasihat Syariah (MPS), Bank Negara Malaysia dirujuk berhubung dengan isu berikut:

- i. Sama ada penerimaan takaful semula alir masuk oleh syarikat takaful secara triti atau fakultatif daripada syarikat insurans (dan insurans semula) konvensional dibenarkan; dan
- ii. Sama ada pengagihan risiko secara takaful semula alir keluar kepada syarikat insurans (dan insurans semula) konvensional dibenarkan.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-47 bertarikh 14 Februari 2005 telah memutuskan perkara berikut:

- i. Syarikat takaful tidak dibenarkan menerima takaful semula alir masuk sama ada secara triti atau fakultatif daripada syarikat insurans dan syarikat insurans semula konvensional; dan
- ii. Syarikat takaful diberikan kelonggaran untuk mengagihkan risiko secara takaful semula alir keluar kepada syarikat insurans dan syarikat insurans semula konvensional, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - a. Keutamaan mestilah diberikan kepada syarikat takaful dan syarikat takaful semula;
 - b. Ketiadaan syarikat takaful dan syarikat takaful semula sama ada dalam atau luar negara yang diyakini dapat menyerap risiko yang diagihkan; dan
 - c. Kekukuhan syarikat takaful dan syarikat takaful semula sama ada dalam atau luar negara tidak diyakini (Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam, Bank Negara Malaysia, 2010).

Hukum dan Justifikasi Retakaful dalam Industri Insurans

Larangan bagi syarikat takaful untuk menerima takaful semula alir masuk daripada syarikat insurans dan syarikat insurans semula konvensional adalah berdasarkan pertimbangan berikut:

- i. Kontrak asal yang dimeterai oleh syarikat insurans dan syarikat insurans semula konvensional adalah bercanggah dengan Syarak (Akademi Fiqah OIC, 1985). Sekiranya syarikat takaful menerima takaful semula alir masuk daripada syarikat insurans dan syarikat insurans semula konvensional, syarikat takaful dilihat sebagai mengiktiraf kontrak insurans konvensional yang tidak menepati Syarak;
- ii. Islam tidak membenarkan tolong-menolong dan bantu-membantu dalam perkara yang dilarang Syarak seperti firman Allah SWT yang berikut:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ إِنَّ اللَّهَ

شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾

Maksudnya:

dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).

(Surah al-Maidah 5: 2)

- iii. Syarikat takaful perlu mengelak daripada terlibat dengan perkara-perkara syubhah yang terdapat dalam aktiviti insurans konvensional.

Walau bagaimanapun, syarikat takaful dibenarkan mengagihkan risiko secara takaful semula alir keluar kepada syarikat insurans dan syarikat insurans semula konvensional atas dasar keperluan (hajiyyah), iaitu sekiranya tiada syarikat takaful atau syarikat takaful semula yang diyakini mampu untuk menyerap sesuatu risiko takaful. Ini adalah selaras dengan kaedah fiqh yang berikut:

“Keperluan mengambil hukum darurat”.

Ibnu `Asyur menghuraikan bahawa dharuriyyat merujuk kepada perkara asasi yang perlu dipenuhi bagi sesuatu komuniti secara kolektif dan individu. Sekiranya perkara dharuriyyat ini tidak dipenuhi, sistem sosial dalam sesebuah komuniti tidak dapat berfungsi (Ahmad al-Zarqa', 1989). Manakala hajjah atau hajiyyat pula merujuk kepada perkara-perkara yang diperlukan oleh sesebuah komuniti bagi mencapai kemaslahatan dan perjalanan fungsi hal ehwal komuniti secara lebih baik. Sekiranya perkara hajiyyat ini tidak dipenuhi, fungsi komuniti tidak akan gagal, namun, ia tidak berupaya berjalan dengan baik (Ibnu `Asyur, 2001).

Illah (sebab) Pengharusan Takaful Semula dengan Syarikat Insurans Semula

Insurans semula dalam perniagaan takaful di bawah prinsip-prinsip Islam dikenali sebagai takaful semula, iaitu konsep insurans semula yang diluluskan dan mematuhi prinsip-prinsip Syariah. Pada peringkat awal perniagaan takaful, kemudahan insurans semula disediakan oleh syarikat-syarikat insurans konvensional dan diharuskan kerana beberapa faktor, iaitu:

- a. Pengendali takaful memiliki keupayaan yang terhad.
- b. Pengendali takaful tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi.
- c. Tiada kemudahan takaful semula.
- d. Pengendali takaful semula adalah terhad.
- e. Pengendali takaful semula kekurangan modal.
- f. Pengendali takaful semula bertaraf 'A' amat terhad.

Oleh yang demikian, atas permintaan yang semakin tinggi terhadap perkhidmatan takaful di Malaysia ini, maka elemen-elemen yang telah dinyatakan di atas masih gagal dipenuhi oleh syarikat takaful semula terutamanya dari aspek dana untuk menampung keperluan dan kehendak syarikat takaful. Maka, atas dasar *masalah* dan *darurah*, insurans semula konvensional diharuskan dengan beberapa syarat iaitu:

- a. Kerjasama dalam urusan insurans semula dengan penanggung reinsurans konvensional tidak akan menjejaskan kedudukan kewangan dan ketidakstabilan sistem kewangan negara-negara Islam.
- b. Keutamaan hendaklah diberikan kepada pengendali takaful semula sekiranya ada kemudahan tersebut.
- c. Pakar-pakar pengendali takaful semula perlu bertindak dengan berhati-hati dalam menentukan kuantum liabiliti yang akan dilindungi.
- d. Pengendali takaful perlu mengkaji semula keperluan takaful semula setiap tahun dan berusaha seboleh mungkin mengurangkan penggantungan dengan insurans semula konvensional.
- e. Pengendali takaful hendaklah menyatakan secara jelas syarat-syarat pengecualian dari membayar atau menerima sebarang bayaran yang mengandungi elemen faedah atau bunga dari insurans semula konvensional.
- f. Apabila rezab kewangan mengizinkan dan terdapat pengendali takaful semula baru mula memasuki pasaran, penggantungan kepada insurans semula konvensional hendaklah ditamatkan.
- g. Menggunakan perkhidmatan insurans semula konvensional hanya apabila risiko yang dilindungi tidak diterima oleh pengendali takaful atau pengendali takaful semula.
- h. Menggunakan perkhidmatan insurans semula konvensional hanya apabila pengendali takaful atau pengendali takaful semula tidak mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh untuk menerima risiko berkenaan.

Penerimaan Bayaran Komisyen Insurans Semula oleh Syarikat Takaful

Dari segi amalan insurans semula, tujuan bayaran komisyen dibuat adalah kerana kesediaan syarikat takaful menyerahkan premium mereka dan sebagai balasan kepada usaha dan prestasi syarikat takaful menguruskan premium tersebut. Bayaran tersebut juga sebagai insentif dan bonus kepada amalan *underwriting* yang cermat dan berhati-hati. Tujuan ini tidaklah bercanggah dengan hukum syarak. Sungguhpun demikian, sesetengah penulis telah menimbulkan beberapa keraguan mengenai kesahihan penerimaan bayaran komisyen ini, terutama dari segi asas kaedah pengiraan kadar bayarannya yang dikatakan mempunyai unsur *ribawi* dan *gharar*.

Secara terperinci, keraguan ini berpunca daripada alasan bahawa bayaran komisyen yang diterima itu adalah bersifat sebagai suatu bentuk balasan dan ini menghilangkan elemen *tabarru'* akad takaful berkenaan. Apatah lagi bayaran tersebut dikatakan tidak berasaskan kepada kos sebenar pengurusan premium tersebut. Seterusnya dikatakan juga bahawa bayaran komisyen ini berasaskan kepada pra pengiraan atau anggaran kepada peratusan premium yang diserahkan kepada syarikat insurans yang akan dibayar kepada risiko yang dilindungi. Keraguan kepada kaedah bayaran ini ialah di mana syarikat takaful menerima bayaran sedangkan dalam pada masa yang sama ia tidak berkongsi dengan kerugian yang dialami oleh syarikat insurans semula.

Keadaan ini mengikut mereka yang meragui bayaran komisyen adalah bercanggahan dengan kaedah fiqh *al-kharaj bi al-daman* iaitu keuntungan hendaklah bersama dengan risiko kerugian. Atas alasan ini mereka juga menolak hujah yang menyatakan bayaran komisyen ini berasaskan kepada akad *mudharabah* kerana syarikat takaful tidak menanggung apa-apa kos kerugian syarikat insurans semula. Berasaskan kepada hujah-hujah ini, mereka membuat kesimpulan bahawa alasan bayaran komisyen ini sebagai insentif atau balasan kepada pengurusan yang cekap dan berhati-hati adalah tidak tepat dan mengelirukan. Ia adalah hanya satu alasan untuk menghalalkan pembayaran faedah atau riba.

Keraguan bahawa bayaran komisyen ini bercanggah dengan kaedah *al-kharaj bi al-daman* kerana syarikat takaful tidak sama-sama menanggung risiko syarikat insurans semula, juga tidak dapat diterima. Ini adalah kerana bayaran komisyen berkenaan adalah bersamaan dengan upah atau hadiah kepada syarikat takaful yang telah membawa peluang perniagaan kepada syarikat insurans semula. Mungkin boleh dipersoal percanggahan kaedah ini dengan prinsip takaful yang lebih meluas semasa menilai tujuan kerjasama ini diadakan. Namun kerugian syarikat insurans semula, bukanlah tanggungan syarikat takaful kerana ia tidak terlibat dalam pelaburan dan pengurusan syarikat insurans semula berkenaan. Begitu juga kerugian syarikat insurans semula malah syarikat takaful sendiri tidak boleh menggugat perlindungan yang dijanjikan kepada peserta takaful.

Persoalan seterusnya yang ditanya oleh sesetengah syarikat takaful ialah siapa pemilik bayaran komisyen ini? Apakah ia milik pemegang saham syarikat takaful atau apakah ia milik peserta atau milik keduanya. Perkara ini boleh dilihat dari pelbagai perspektif sama ada asas kontrak atau pengeluaran modal. Sudah tentu premium yang diserahkan kepada syarikat reinsurans ini adalah sumbangan peserta dan diuruskan oleh syarikat takaful. Berasaskan kepada keadaan ini bayaran komisyen ini sepatutnya dikongsi secara bersama oleh syarikat dan peserta. Dari perspektif peserta sama ada bayaran komisyen tersebut dilaburkan semula ke tabung *tabarru'* atau pelaburan juga bergantung bagaimana bayaran premium diserahkan kepada syarikat insurans semula. Jika melibatkan kedua-dua tabung maka seharusnya keduanya mendapat manfaat daripada bayaran komisyen tersebut. Tidak dapat dipastikan dari segi kelancaran kemudahan untuk melaksanakan cadangan-cadangan ini, namun jika melibatkan kesukaran dan tambahan kos maka persetujuan peserta boleh diminta semasa akad permulaan takaful bagi membenarkan syarikat membayar manfaat komisyen tersebut hanya ke dalam tabung *tabarru'* (Ahmad Hidayat Buang, 2008).

TAKAFUL SEMULA MENURUT UNDANG-UNDANG

Pengertian Takaful Semula Menurut Akta Takaful 1984 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Jadual 4: Pengertian Takaful Semula Menurut Akta Takaful 1984 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

AKTA TAKAFUL 1984	AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013
“takaful semula” ertinya suatu perkiraan yang bersesuaian dengan prinsip takaful yang baik	“takaful semula” ertinya suatu perlindungan takaful yang diatur oleh pengendali takaful

bagi takaful semula liabiliti berkenaan dengan risiko yang ditanggung atau yang akan ditanggung oleh pengendali takaful semasa dia menjalankan perniagaan takaful;

dengan pengendali takaful kedua atas risiko kumpulan wang takaful yang ditadbirnya, keseluruhan atau sebahagiannya, dan termasuklah apa-apa perkiraan yang serupa oleh suatu cawangan pengendali takaful berlesen di Malaysia dengan cawangannya di luar Malaysia (ibu pejabat pengendali takaful berlesen itu adalah, bagi maksud ini, dikira sebagai suatu cawangan);

Sumber: Akta Takaful 1984 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013

Takaful semula dalam Akta Perkhidmatan dan Kewangan Islam (IFSA 2013)

Terdapat beberapa perkara berkaitan takaful yang harus diketahui dalam IFSA 2013. Namun artikel ini hanya akan menfokuskan kepada perkara-perkara yang menyentuh berkaitan takaful semula sahaja. Secara umumnya, tiada satu seksyen yang khusus dalam IFSA 2013 yang menyentuh berkaitan dengan takaful semula. Hal ini berbeza dengan Akta Takaful 1984 yang memperuntukan dengan khusus berkaitan takaful semula pada seksyen 23, iaitu:

- (1) Pengendali hendaklah membuat perkiraan yang konsisten dengan prinsip takaful yang baik bagi mentakaful semula liabiliti berkenaan dengan risiko yang disanggupi atau yang akan disanggupi oleh pengendali semasa dia menjalankan perniagaan takaful.*
- (2) Ketua Pengarah boleh dengan memberi notis secara bertulis menghendaki pengendali mengemukakan untuk pemeriksaannya, dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, triti mengenai takaful semula, apa-apa maklumat lanjut lain mengenainya dan apa-apa perkiraan takaful semula lain sebagaimana yang dikehendakinya dalam kes tertentu.*
- (3) Seseorang yang tidak mematuhi subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit dan denda harian tidak melebihi seratus ringgit.*

Walau bagaimanapun, takaful semula dalam industri insurans tidak disentuh oleh IFSA dan juga Akta Takaful 1984. Rentetan daripada ketiadaan peruntukan yang khusus berkaitan takaful semula dalam industri insurans, maka isu dan permasalahan ini dirujuk terus kepada Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia.

PENUTUP

Tidak dapat dinafikan bahawa industri takaful sangat mendapat tempat dipasaran Malaysia pada masa kini. Kelangsungan operator takaful sebenarnya banyak dipengaruhi oleh syarikat takaful semula dalam menguruskan dan mengagihkan risiko-risiko yang tidak mampu ditanggung oleh operator takaful kerana ia mempunyai dana dan modal yang sangat terhad. Malangnya, syarikat takaful semula yang wujud pada hari ini juga jelas tidak mampu untuk menampung keseluruhan risiko yang ingin diagihkan oleh operator takaful diseluruh Malaysia akibat daripada kekurangan syarikat takaful semula disamping modal dan dana terkumpul yang sangat terhad.

Oleh yang demikian, atas dasar *darurah* dan *masalah*, majoriti ulama dan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia mengharuskan takaful semula dilakukan dalam industri insurans. Walau bagaimanapun ia mestilah mematuhi beberapa syarat yang telah digariskan oleh badan yang berautoriti tersebut. Justeru itu, memandangkan syarikat takaful semula sangat penting dalam industri takaful di Malaysia, maka beberapa langkah yang proaktif wajar dilakukan demi untuk menjaga kemaslahatan dan kelangsungan produk-produk Islam sekaligus menolak secara total produk-produk yang terlibat dengan elemen yang dilarang oleh Islam iaitu *riba*, *gharar* dan *maysir*.

Antara langkah yang boleh dilaksanakan untuk penambahbaikan industri takaful adalah dengan peranan pihak kerajaan memberikan sokongan dari aspek kewangan sebagai inisiatif untuk menyuntik dana dan modal dalam industri takaful. Dengan cara ini juga, konsep *mudharabah* boleh diaplikasikan dengan pihak kerajaan sebagai pemberi modal dan syarikat takaful semula sebagai pengurus dan pengusaha yang mana dengan cara ini mampu untuk memberikan kelebihan kepada kedua-dua pihak. Akhirnya, sokongan daripada pelbagai pihak amat diperlukan demi untuk memastikan industri takaful yang berteraskan produk Islam ini terus maju dan berkembang di negara ini secara keseluruhannya.

RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim

Ahmad al-Zarqa'. (1989). *Syarh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Dar al-Qalam.

Ahmad Hidayat Buang. (2008). *Penerimaan Komisyen Reinsurans oleh Syarikat Takaful*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Ahmad Mazlan Zulkifli, Badrul Hisham Abd Rahman, Nasser Yassin & Jamil Ramly. (2012). *Amalan Asas Takaful: Tahap Permulaan untuk Pengamal*. Kuala Lumpur: IBFIM.

Aisyah Mustafa & Asmak Ab Rahman. (2015). Pengunderaitan dalam Produk Takaful Keluarga dari Perspektif Syariah. *Jurnal Syariah*. Jil. 23. Bil 2. hlm. 235-254.

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759].

Akta Takaful 1984 [Akta 758].

Asmak Ab Rahman, Joni Tamkin Borhan, Patmawati Ibrahim, Azizi Che Seman & Nor Aini Ali. (2008). *Sistem Takaful di Malaysia: Isu-Isu Kontemporari*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Asyraf Wajdi Dusuki. (2013). *Islamic Financial System: Principles & Operations*. Kuala Lumpur: International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance.

Ibnu `Asyur. (2001). *Maqasid al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Dar al-Nafa'is.

Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad & Mohd Faisol Ibrahim. (2008). *Konsep, Isu dan Operasi Retakaful dalam Industri Insurans*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Mustafa Mohd Hanefah, Zurina Shafii, Supiah Salleh & Nurazalia Zakaria. 2012. *Governance and Shariah Audit In Islamic Financial Institutions*. Bandar Baru Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam (Edisi Kedua). 2010. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.

Syarifah Nur Amalina Syed Nasaruddin. (2016). Cabaran dan Peluang Retakaful di Malaysia. *Proceeding of the 2nd International Conference on Economics & Banking 2016* (2nd ICEB). hlm. 57-63.